

# Tegas buru 'naga' culas bayar cukai

Anwar mahu LHDN berani bertindak tanpa kira pangkat, kedudukan

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Cyberjaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) lebih tegas mengutip hasil cukai tanpa mengira kedudukan syarikat mahupun pengaruh atau pangkat individu.

Perdana Menteri berkata, ini berikutan terdapat syarikat 'gergasi' mahupun 'naga' di negara ini masih culas atau terlepas daripada membuat pembayaran cukai kepada kerajaan.

"Kita tidak boleh memberi gambaran yang atas, paling maha kaya itu terselamat daripada tindakan. Mesti ada kesungguhan dan keberanian daripada anda semua, tidak kira kaitannya dan kedudukannya.

"Saudara bertugas menjalankan tanggungjawab, tidak kira sama ada dia Ahmad atau Ah Seng atau Tan Sri atau Tun, saudara hanya kira dia bayar cukai atau tidak.

"Jika dia tidak bayar, geledah dan ambil tindakan," katanya ketika merasmikan Majlis Sambutan Hari Hasil 2024, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Ke-

wangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood MERICAN dan Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Dr Abu Tariq Jamaluddin.

Menyorot kembali sejarah naik taraf LHDN daripada sebuah jabatan kepada agensi pada 1 Mac 1996, Perdana Menteri yang ketika itu Menteri Kewangan berkata, beliau menerima laporan terdapat puluhan syarikat gergasi terkenal negara yang sukar membayar cukai.

"Ada yang bayar setengah, ada yang bayar suku kerana syarikat ini terlalu besar, gergasi, naga... siapa yang berani singgung.

"Mereka (kakitangan LHDN) ketika itu secara berani melaksanakan tugas tanpa mengira gergasi dalam perniagaan dan berjaya mengutipnya, dan mengenang kesungguhan dan risiko yang dihadapi, saya memutuskan menaikkan (status) jabatan menjadi agensi lembaga," katanya.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, asas cukai Malaysia masih rendah, iaitu kira-kira 11.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), berbanding negara jiran seperti Singapura (12.6 peratus) dan Thailand 16.4 peratus.

Jumlah pembayar cukai juga masih rendah, iaitu kira-kira 435,000 daripada 1.5 juta syarikat berdaftar di Malaysia, kurang daripada 29 peratus.

"Saya singgung hal ini untuk menjelaskan betapa mendesaknya kecekapan, kepantasan, pengurusan dan pendirian LHDN

kerana jumlah yang membayar itu kecil dan hasilnya itu amat diperlukan, bukan hanya untuk pertumbuhan negara tapi juga memberi keselesaan kepada rakyat.

"Bagaimanapun pada tahun lalu, saya merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kerana LHDN kerana berjaya mencipta sejarah baharu kutipan cukai, iaitu sebanyak RM183.34 bilion, melebihi RM7.8 bilion atau 4.49 peratus daripada jumlah kutipan tahun sebelumnya," katanya.

## Kurangkan defisit fiskal

Selain itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan pada masa sama turut memberi tumpuan kepada usaha mengurangkan defisit fiskal negara melalui langkah mengurangkan hutang dan amalan tatakelola yang baik.

Katanya, pemimpin negara tidak boleh mewariskan hutang kepada generasi akan datang sehingga menjadi beban kepada mereka seperti diwarisi kerajaan hari ini.

Sehingga akhir Disember 2023, jumlah keseluruhan hutang kerajaan adalah sebanyak RM1.17 trilion atau 64.3 peratus daripada KDNK.

Pertumbuhan hutang pada 2023 ialah 8.6 peratus lebih rendah berbanding 2022 yang mencatatkan 10.2 peratus.

Malaysia sebelum ini dilaporkan telah mencatatkan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM329.5 bilion pada 2023 iaitu 23 peratus lebih tinggi berbanding 2022, sekali gus menjadikannya yang tertinggi dalam sejarah negara.